

**KENYATAAN AKHBAR
OLEH
YBHG. DATO' IR. DR. RADIN UMAR BIN RADIN SOHADI
KETUA PENGARAH
JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
MENGENAI
STATUS KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN
KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)
BAGI PROGRAM PENGAJIAN
LEPASAN STPM/MATRIKULASI/ASASI/SETARAF
(IJAZAH PERTAMA)
SESI AKADEMIK 2010/2011**

1. Sukacita dimaklumkan dasar pengambilan dan pemilihan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepas STPM/Matrikulasi/Setaraf (Ijazah Pertama) adalah berasaskan **prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum** untuk menentukan nilai merit seseorang calon.

2. Mulai Sesi Akademik 2007/2008 markah kokurikulum 10% diselaraskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memandangkan penganjuran, pemantauan, penilaian dan penglibatan pelajar adalah di bawah kawalan kementerian berkaitan. Justeru Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menerima markah kokurikulum 10% dari KPM untuk dipadankan dengan markah akademik 90% yang diterima dari Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan Bahagian Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (BMKPM) untuk digabung bagi menghasilkan markah merit calon yang diguna pakai bagi pemilihan kemasukan ke IPTA.

3. Dalam pengiraan markah merit ini, nilai **Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)** disetarakan dengan pemarkahan berasaskan kepada markah maksimum 90. Sebagai contoh seseorang calon yang mempunyai PNGK 4.00 akan mempunyai markah penuh akademik 90, manakala calon yang mempunyai PNGK 3.50 akan memperoleh markah akademik sebanyak 78.75 dengan menggunakan pengiraan $(3.50 \times 0.25 \times 90)$.

4. Dengan ini sekiranya seseorang calon mempunyai PNGK 3.50 dan markah kokurikulumnya 8.0, maka nilai merit calon ialah $78.75 + 8.0 = 86.75$.
5. Dalam beberapa kes terdapat calon yang mempunyai nilai PNGK 4.00 tetapi markah kokurikulum mereka rendah maka kedudukan mereka dalam merit adalah lebih rendah berbanding mereka yang mempunyai nilai PNGK yang rendah sedikit tetapi markah kokurikulum lebih tinggi. Bagi kes sebegini terdapat calon yang mempunyai PNGK 4.00 dengan markah kokurikulum yang rendah tidak memperoleh pilihan pertama mereka.
6. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di IPTA yang dipohon. Jika merit mereka tidak begitu tinggi dan memohon lapan (8) pilihan dalam program pengajian kompetitif, kemungkinan besar mereka tidak terpilih untuk tawaran program pengajian yang dipohon. Begitu juga jika mereka memohon hanya di IPTA yang popular mungkin akan menghadapi persaingan yang tinggi dan akhirnya tidak mendapat apa-apa tawaran daripada IPTA berkenaan.
7. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dengan calon yang memperoleh merit yang tinggi dengan menawarkan program pengajian di luar pilihan calon yang mirip dengan pilihan mereka di IPTA yang terdapat kekosongan jika ada menyatakan persetujuan untuk menerima pilihan di luar lapan (8) pilihan program pengajian semasa mengemukakan permohonan.
8. Sejumlah **61,228** calon Lulusan STPM/Matrikulasi/Asasi telah memohon untuk Program Ijazah Pertama. Dari bilangan tersebut hanya **49,234 (80.4%)** calon telah mencapai kelayakan minimum, iaitu nilai PNGK 2.00 ke atas serta memenuhi syarat am permohonan kemasukan ke IPTA.

9. Bilangan tempat yang berjaya ditawarkan adalah seramai **40,506** dari **49,234** yang layak iaitu sejumlah **82.3%** daripada calon yang layak telah ditawarkan tempat. Statistik ini termasuk **3,694** tempat yang ditawarkan oleh USM. Terdapat peningkatan sebanyak **0.35% (40,366)** berbanding Sesi Akademik 2009/2010.
10. Seramai **28,633 (70.7%)** calon dari kalangan kaum Bumiputera, **9,569 (23.6%)** calon dari kalangan kaum Cina dan **2,304 (5.7%)** calon dari kalangan kaum India telah berjaya di dalam pemilihan yang berasaskan kepada merit untuk kemasukan ke IPTA Sesi Akademik 2010/2011 ini.
11. Dari jumlah di atas seramai **22,967 (56.7%)** adalah calon Aliran Sains dan **17,539 (43.3%)** adalah calon Aliran Sastera.
12. Peratusan calon yang berjaya berdasarkan bilangan permohonan mengikut kaum adalah seperti berikut:-

BIL	KAUM	POHON	LAYAK	TAWAR	PERATUS BERJAYA
1	BUMI	44,417 72.54%	36,341 73.81%	28,633 70.7%	78.8 %
2	CINA	12,270 20.04%	10,394 21.11%	9,569 23.6%	92.1 %
3	INDIA DLL	4,541 7.42%	2,499 5.08%	2,304 5.7%	92.2 %
JUMLAH		61,228	49,234	40,506	82.3 %

13. Bilangan calon yang berjaya di dalam beberapa Program Pengajian Kompetitif adalah seperti berikut:-

BIL	BIDANG	BUMI	CINA	INDIA DLL	JUMLAH
1	PERUBATAN	502 52.18%	375 38.98%	85 8.84%	962
2	PERGIGIAN	87 48.88%	86 48.32%	5 2.80%	178
3	FARMASI	149 51.92%	128 44.60%	10 3.48%	287
4	KEJURUTERAAN KIMIA	699 71.47%	220 22.49%	59 6.04%	978
5	KEJURUTERAAN ELEKTRIK / ELEKTRONIK	1864 79.79%	368 15.76%	104 4.45%	2,336
6	KEJURUTERAAN MEKANIKAL	1251 77.75%	294 18.27%	64 3.98%	1,609
7	UNDANG-UNDANG	179 59.47%	94 31.23%	28 9.30%	301
8	PERAKAUNAN	464 49.31%	436 46.33%	41 4.36%	941

14. Selaras dengan dasar kerajaan bagi merealisasikan MKRA iaitu meningkatkan akses dan ekuiti dalam pendidikan tinggi, KPT amat prihatin dan komited terhadap golongan masyarakat ***socially disadvantaged*** seperti Orang Asli, Orang Kurang Upaya(OKU) dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.
15. Sementara itu, bagi memperkasakan sukan di IPTA, KPT juga menyelaras agar atlet yang mewakili negeri dan negara diberi peluang mengikut sukan pilihan di Pusat Kecemerlangan Sukan IPTA yang ditetapkan. Ini adalah usaha kerajaan bagi melahirkan graduan holistik yang mampu merealisasikan agenda dan wawasan nasional.

16. Bagi **para 14 dan 15** di atas, hanya mereka yang memohon serta memenuhi kelayakan minimum diberi peluang pendidikan tinggi berdasarkan pilihan program pengajian yang dipohon.
17. Pencapaian golongan tersebut bagi Sesi akademik 2010/2011 adalah seperti berikut :

BIL	GOLONGAN	POHON	LAYAK	TAWAR	PERATUS BERJAYA
1	ORANG ASLI	66	44	43	97.72%
2	OKU	656	415	282	67.95%
3	ATLET NEGERI & NEGARA	1559	1115	934	83.77%

**Nota : Baki bagi golongan Orang Asli yang tidak layak untuk ke Ijazah Pertama akan dipertimbangkan ke program Diploma yang bersesuaian dengan kelayakan calon.*

18. Status keputusan permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepas STPM/Setaraf Sesi Akademik 2010/2011 boleh disemak mulai **18 Jun 2010, jam 12.00 tengah hari** melalui saluran hebahan seperti di **Lampiran 1**.
19. Pihak IPTA akan mengeluarkan **surat tawaran rasmi** kepada calon yang berjaya mulai **19 Jun 2010**. **Semua calon yang berjaya dikehendaki membuat** pengesahan setuju terima tawaran **oleh IPTA** dalam tempoh **6 hari** iaitu pada atau sebelum **24 Jun 2010**. **Pengesahan setuju terima tawaran dan surat tawaran boleh dicetak** melalui Laman Web IPTA seperti di **Lampiran 2**.
20. Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi juga akan membuka Kaunter Semakan Status Keputusan Permohonan Kemasukan ke IPTA di Aras 1, Blok E9, Parcel E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62505 Putrajaya mulai **18 Jun hingga 28 Jun 2010** untuk memudahkan pemohon membuat **semakan** dan mendapatkan **khidmat runding cara**.

21. Jabatan Pengajian Tinggi juga menyediakan perkhidmatan **Talian Khidmat Bantu (Helpline) dan Hotline** serta e-mel untuk membantu menjawab sebarang pertanyaan melalui saluran berikut:-
- **03-8883 5848**
 - **03-8883 5858**
 - **upu@mohe.gov.my**
22. **Aplikasi e-rayuan dibuka mulai 18 Jun 2010 jam 12.00 tengah hari. Hanya calon gagal menerima sebarang tawaran ke IPTA** sahaja dibenarkan mengemukakan rayuan melalui Aplikasi e-rayuan berpusat di Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi dalam **tempoh 10 hari** selepas keputusan rasmi diumumkan melalui **Laman Web Rasmi Kemasukan ke IPTA di <http://upu.mohe.gov.my>**
23. Tarikh tutup permohonan e-rayuan ialah pada **28 Jun 2010**.
24. Prosedur e-rayuan dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi seperti **di Lampiran 3**. Keputusan pemilihan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat mengikut program pengajian dan IPTA selepas pendaftaran pelajar baru ke IPTA. Tawaran adalah muktamad. Jika tiada sebarang jawapan diterima dari IPTA sehingga **31 Julai 2010** selepas tarikh pendaftaran, maka rayuan tersebut hendaklah dianggap gagal.
25. Tarikh pendaftaran pelajar baru ke IPTA ialah pada **3 dan 4 Julai 2010**. Pemohon yang berjaya dinasihatkan merujuk ke laman web IPTA berkaitan untuk maklumat lanjut.

**Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**

17 Jun 2010

LAMPIRAN 1

**SALURAN HEBAHAN MAKLUMAT
SEMAKAN STATUS KEPUTUSAN PERMOHONAN
KEMASUKAN KE IPTA
PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN
STPM/MATRIKULASI/SETARAF (IJAZAH PERTAMA)
SESI AKADEMIK 2010/2011**

1	INTERNET	<p style="text-align: center;">http://jpt.uum.edu.my http://www.jpt.utm.my http://upu.mohe.gov.my</p>
2	HOTLINE (10 Talian)	03-8883 5858
3	HELPLINE	03-8883 5848
4	<p>SISTEM PESANAN RINGKAS(SMS) (SHORT MESSAGING SERVICE)</p> <ul style="list-style-type: none">• UNTUK SEMUA TALIAN TELEFON BIMBIT	<p>Sila taip: UPU RESULT [No. KP] dan SMS ke: 15888</p>

Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

17 Jun 2010

LAMPIRAN 2

**SENARAI URL LAMAN-WEB IPTA
UNTUK CETAKAN SURAT TAWARAN PERMOHONAN
KEMASUKAN KE IPTA PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN
STPM/MATRIKULASI/SETARAF (IJAZAH PERTAMA)
SESI AKADEMIK 2010/2011**

BIL	IPTA	URL LAMAN WEB IPTA
1	UM	http://www.um.edu.my/kemasukan
2	USM	https://www.usm.my/kemasukan
3	UKM	http://www.ukm.my/tawaran
4	UPM	http://www.esmp.upm.edu.my/tawaran
5	UTM	http://intake.utm.my/semakan
6	UIAM	http://www.iiu.edu.my/kemasukan/tawaran.html
7	UUM	http://www.uum.edu.my/kemasukan/tawaran
8	UNIMAS	http://www.unimas.my/Kemasukan/Prasiswazah
9	UMS	http://ums.edu.my/kemasukan
10	UPSI	http://www.upsi.edu.my/tawaran
11	UiTM	http://istudent.uitm.edu.my/intake
12	UMT	http://www.umt.edu.my/tawaran.php
13	UTHM	http://webapp.uthm.edu.my/tawaran
14	USIM	http://www.usim.edu.my/kemasukan/tawaran
15	UTeM	www.utm.edu.my/kemasukan
16	UMP	http://www.ump.edu.my/tawaran
17	UniMAP	http://www.unimap.edu.my/tawaran
18	UDM	http://www.udm.edu.my/tawaran/
19	UMK	http://www.umk.edu.my/kemasukan/tawaran

Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

17 Jun 2010

PROSEDUR MENGEMUKAKAN e-RAYUAN

LANGKAH 1

NO. KAD PENGENALAN/MYKAD

(Calon masukkan No. Kad Pengenalan/My Kad yang digunakan semasa mengemukakan permohonan)

LANGKAH 2

Pilihan 1 & Pilihan 2

(Calon boleh mengemukakan 2 pilihan program pengajian sahaja. Calon tidak dibenarkan memilih program pengajian yang ada temu duga)

LANGKAH 3

Sah & Hantar

(Calon boleh mengemukakan 1 kali permohonan dan 3 kali pengemaskinian sehingga tarikh tutup permohonan)

DASAR PEMILIHAN RAYUAN ADALAH UNTUK MENGISI KEKOSONGAN TEMPAT YANG BERLAKU MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN DAN IPTA SELEPAS PENDAFTARAN PELAJAR BARU KE IPTA.

**Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**

17 Jun 2010